

STRATEGI PELAJAR ANTARABANGSA BELAJAR BAHASA MELAYU DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Yong Chyn Chye

Pusat Pengajian Asas dan Pendidikan Lanjutan (FOSEE), Multimedia University,
yong.chyn.chye@mmu.edu.my

Dr. Siti Saniah Abu Bakar

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
saniah@fbk.upsi.edu.my

Dr. Chan Tze-Haw

Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia,
thchan@usm.my

Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
letchumy@fbmk.upm.edu.my

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu selaku mata pelajaran wajib di institusi pengajian tinggi telah dilaksanakan bertahun lamanya. Namun, keberkesanannya masih dipersoalkan khasnya bagi golongan pelajar antarabangsa yang kian bertambah berikutan dasar kerajaan ingin menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau. Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mengkaji strategi yang digunakan oleh pelajar antarabangsa secara formal dan tidak formal dalam mempelajari bahasa Melayu. Model Strategi Pembelajaran Bahasa oleh Mohamed Amin (2000) telah diubah suai dan digunakan untuk memenuhi objektif kajian. Sampel kajian meliputi pelajar tahun pertama di Multimedia University, Cyberjaya. Kesemua peserta kajian ini telah mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan (B) selama 14 minggu. Sebanyak 79 helai kertas soal selidik berjaya dikumpul dan dianalisis secara kuantitatif. Perisian Excel 2007 digunakan untuk memproses data dan SPSS versi ke-17 digunakan bagi tujuan analisis kuantitatif, khasnya untuk meninjau hubungan antara strategi pembelajaran dengan faktor-faktor pendorong dalam menguasai bahasa Melayu. Daripada 40 strategi yang tersenarai dalam soal selidik, strategi pembelajaran bahasa Melayu dikenal pasti melalui perhitungan nilai min (purata) empat skala penilaian. Antaranya, strategi yang paling digemari dan dipraktikkan secara formal adalah ‘pelajar memberi sepenuh perhatian semasa guru mengajar’ (min=3.38). Ini diikuti oleh ‘pelajar akan meminta guru ulangan keterangan sekiranya mereka tidak memahaminya’ dan ‘pelajar akan mendengar dengan teliti cara guru bercakap dalam bahasa Melayu’. Manakala bagi strategi tidak formal, ‘pelajar akan cuba bertutur dalam bahasa Melayu dengan kawan selepas bersekolah’ (min=3.10) paling digemari. Pelajar antarabangsa juga cuba mendapat bantuan daripada rakan warganegara Malaysia dalam pertuturan bahasa Melayu. Secara perbandingan, pelajar asing didapati lebih gemar menggunakan strategi belajar secara formal berbanding kaedah tidak formal. Tinjauan seterusnya mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara strategi pembelajaran dengan faktor pendorong dalam menguasai bahasa Melayu. Secara keseluruhan, pelajar antarabangsa tampaknya pasif dalam pembelajaran bahasa Melayu dan banyak bergantung pada bahan yang disediakan. Pensyarah memainkan peranan penting dalam membimbing mereka supaya mengaplikasikan strategi yang sesuai dan berkesan untuk

meningkatkan proses penguasaan bahasa Melayu, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan akademik malah untuk menjalankan aktiviti sosial harian di Malaysia.

Kata kunci: strategi, pelajar antar bangsa, bahasa melayu

Latar Belakang

Bersempena tuntutan era globalisasi ini, manusia dengan bebasnya melanjutkan pelajaran di negara yang diingini. Antaranya, Malaysia menawarkan ramuan yang menarik untuk menjadi peneraju pengajian tinggi di rantau Asia Pasifik. Demi merealisasikan negara Malaysia sebagai salah sebuah pusat kecemerlangan pendidikan serantau ini, negara kami amat mengalu-alukan pelajar dari luar negara. Dengan adanya sokongan dasar kerajaan yang propendidikan, persekitaran politik stabil dan demokrasi yang relatifnya semakin mendewasa telah menjadi lokasi bersulam kemajuan pelbagai bidang. Demi menampung keperluan dalam pelbagai bidang pengkhususan, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagai cendawan tumbuh selepas hujan di Malaysia. Untuk memastikan mahasiswa keluaran Malaysia berkualiti, pada 21 Disember 2005, kerajaan telah memutuskan untuk menggabungkan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi (BJK, KPT) menjadi sebuah entiti baru yang bertanggungjawab ke atas jaminan kualiti pengajian tinggi negara bagi sektor awam dan swasta. Pada 1 November 2007, peranan LAN telah diambil alih oleh penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA). MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

Di negara Malaysia, terdapat sebanyak 20 buah universiti swasta yang berdaftar. Bagi mengatasi masalah komunikasi pelajar antarabangsa di Malaysia, sukatan mata pelajaran Bahasa Kebangsaan (B) iaitu bahasa Melayu telah ditawarkan kepada pelajar bukan warganegara Malaysia yang berminat. Bahasa Kebangsaan (B) adalah mata pelajaran yang wajib diajar di IPTS yang menggunakan bahasa pengantar selain daripada Bahasa Melayu. Pengajaran dan pembelajaran bahasa kebangsaan ini adalah lebih menekankan aspek komunikasi dan kaedah penggunaan bahasa yang mudah. Matlamatnya bukan saja dapat membantu pelajar antarabangsa menggunakan bahasa Melayu dalam aktiviti kehidupan harian malahan turut dapat membantu mereka apabila membuat rujukan bahan-bahan akademik dalam bahasa Melayu.

Untuk melihat kejayaan seseorang pelajar terutamanya melibatkan pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa Melayu, pensyarah berperanan memastikan strategi yang sesuai, berkesan dan mampu memupuk minat mereka. Berdasarkan minat dan kesesuaian tersebut, guru dapat mendorong pelajar menggunakan strategi yang paling berkesan untuk mempertingkatkan proses pembelajaran mereka. Menurut Abu Talib (1998), strategi pembelajaran ialah langkah yang diambil oleh pelajar untuk mempercepatkan proses pemerolehan, penyimpanan, mengingat kembali dan penggunaan sumber maklumat untuk membantu dalam menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Pengetahuan tentang strategi belajar yang berkesan akan membantu pelajar memperoleh keputusan yang cemerlang. Jadi, jelas kelihatan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam pengajaran bahasa Melayu terutamanya bagi golongan yang bukan penutur natif.

Menurut O'Malley dan Chamot (1990), strategi pembelajaran bahasa (SPB) sebagai 'fikiran khusus atau perilaku seseorang untuk memahami, belajar, atau untuk mengekalkan maklumat baru'. Oleh demikian, tidak dapat dinafikan bahawa konsep yang paling asas tentang strategi dalam proses belajar terutamanya dalam bahasa adalah tindakan secara sengaja dan keadaan sedar untuk meningkatkan proses belajar bahasa.

Objektif Kajian

1. Untuk meneliti dan mengkaji strategi yang digunakan oleh pelajar antarabangsa secara formal dan tidak formal dalam mempelajari bahasa Melayu.
2. Untuk meninjau hubungan antara strategi pembelajaran dengan faktor-faktor pendorongnya dalam menguasai bahasa Melayu.

Kepentingan Kajian

Dalam usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan yang berorientasikan konteks Malaysia, pengenalpastian SPB yang paling kerap diaplikasi oleh pelajar antarabangsa adalah amat penting agar pensyarah dapat merancang sesi pengajaran dan pembelajaran lebih efektif. Golongan tenaga pengajar ini termasuklah mereka yang 'akan' ataupun 'telah' berkecimpung dalam bidang pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Pengajaran bahasa Melayu bukan lagi dimartabatkan tetapi dikembangkan lagi ke seluruh dunia. Tidak ketinggalan juga dengan mengenal pasti pendorong pembelajaran dalam tahap asas dapat merangsang minat dan memudahkan pembelajaran bahasa ketiga dalam kalangan pelajar antarabangsa. Mereka akan lebih bermotivasi untuk melanjutkan pembelajaran bahasa Melayu.

Sorotan Kajian

Fokus utama kajian ini tertumpu pada strategi pelajar antarabangsa dalam menguasai BM. Perluasan sorotan kajian mengenai strategi-strategi pembelajaran dikesan sejak beberapa tahun yang lalu. Berdasarkan kajian lepas, beberapa kajian membuktikan bahawa terdapat beberapa strategi yang telah diaplikasikan oleh pelajar untuk menguasai ilmu bahasa. Kajian yang mengkaji SPB terhadap bahasa asing di Malaysia adalah Anida Abdul Rahim (2003) – bahasa Arab, Kang, Hyeok (1999) – bahasa Korea, Neo Swee Leng (2005) – bahasa Sepanyol, Roslina Mamat (1999) dan Suzana Ismail (2005) – bahasa Jepun. Selain daripada usaha yang telah dilaksanakan untuk mengenal pasti jenis-jenis SPB untuk bahasa asing, kajian tentang SPB dalam pembelajaran bahasa Inggeris dan Melayu turut mendapat pemerhatian dalam kalangan penyelidik. Kajian-kajian ini umumnya dijalankan untuk melihat perkaitan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan kejayaan yang dicapai oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa, dan untuk mencadangkan satu model cara belajar bahasa berdasarkan dapatan kajian. Misalannya, Abu Talib (1998), Mohamed Amin (1996), Mohd Nazali (1999), Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002), Supian (2003) dan lain-lain.

Kajian Mohamed Amin pada tahun 1996 merupakan kajian terawal yang mengkaji SPB dalam konteks pendidikan di Malaysia (Zamri, 2004). Beliau mengkaji penggunaan SPB dalam kalangan pelajar sekolah menengah ketika belajar bahasa Inggeris sebagai

bahasa kedua. Kaedah yang digunakan ialah soal selidik, pemerhatian di bilik darjah dan temu bual. Tujuan kajian beliau ialah melihat SPB yang digunakan oleh pelajar ketika di dalam kelas, di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan. Beliau dapati bahawa sebahagian besar proses belajar berlaku di luar kelas melalui inisiatif pelajar sendiri. Manakala pelajar perempuan didapati lebih banyak menggunakan SPB. Dari segi etnik pula, pelajar-pelajar India lebih banyak menggunakan SPB berbanding Cina dan Melayu dalam ketiga-tiga SPB yang digunakan.

Berikutan kajian yang dilakukan tersebut, beberapa kajian telah dijalankan dengan mengaplikasi dan mengadaptasi soal selidik Mohamed Amin (1996). Antaranya ialah Che Suriyati (2000), Azlin Mazniwati (2000), Faizahani (2002) yang mengkaji SPB dalam mata pelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di peringkat universiti. Manakala Mohd Nazali (1999), Zuriyati (1999), Yong Zaharah (1999), Rahani (1999), Norzizah (1999), Supian (2003) dan Zamri (2004) menjalankan kajian SPB dalam mata pelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama sama ada di peringkat menengah atau universiti. Aplikasi SPB dalam mempelajari bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa masih belum dikaji.

Metodologi

Kaedah kuantitatif melalui soal selidik digunakan untuk merealisasikan objektif kajian. Sebanyak 80 borang telah diberikan kepada pelajar antarabangsa semasa di dalam kelas pada minggu akhir semester. Seorang pelajar tidak hadir pada masa kajian dijalankan menyebabkan hanya 79 borang soal selidik dikembalikan dan dijalankan analisis. Mereka merupakan pelajar tahun pertama di universiti. Subjek kajian ini adalah pelajar dari pelbagai bidang pengajian seperti kejuruteraan, pengurusan, teknologi maklumat dan multimedia kreatif. Oleh sebab bilangan pelajar yang ramai (80 orang pelajar), mereka telah dibahagikan kepada dua kelas yang berasingan. Sungguhpun mereka belajar dalam kelas yang berlainan, akan tetapi mereka diajar oleh seorang pensyarah dengan menggunakan sukatan pelajaran yang sama. Kelainan tersebut hanyalah dari segi masa dan tempat belajar.

Subjek kajian diwajibkan mengikuti Bahasa Kebangsaan (B) - pelajaran asas berbahasa Melayu berdasarkan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA-*Malaysian Qualifications Agency*) dalam satu semester iaitu 3 jam kuliah secara bersemuka selama 14 minggu. Mereka mengikuti pelajaran di dalam kelas yang dilengkapi alat pendingin hawa, komputer dan keperluan asas lain seperti kerusi, meja dan papan putih. Buku *Basic Malay* (2009) dijadikan buku teks sebagai panduan dan latihan selain daripada penggunaan '*power point*' semasa kelas dijalankan. Tidak ketinggalan juga bahawa bahasa Inggeris adalah medium pengajaran dalam mata pelajaran wajib Bahasa Kebangsaan (B) ini.

Soal selidik mengandungi 40 soalan tentang strategi yang digunakan oleh pelajar semasa belajar BM di dalam kelas, di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan berpandukan model Mohamed Amin (2000). Pengubahsuaian dilakukan dengan melihat kesesuaiannya dengan subjek dan jenis kajian ini yang berfokus pada strategi belajar BM secara formal dan tidak formal. Pengubahsuaian tersebut telah memenuhi keperluan serta memberi ruang kepada subjek agar menghujahkan pendapat sendiri dalam mempelajari BM. Berdasarkan soal selidik yang diedarkan, data telah dikumpul

dan dianalisis untuk menepati dua matlamat kajian. Matlamat utama adalah meneliti dan mengkaji strategi yang digunakan oleh pelajar antarabangsa secara formal dan tidak formal dalam mempelajari bahasa Melayu. Matlamat kedua pula adalah untuk meninjau hubungan antara strategi pembelajaran dengan faktor-faktor pendorongnya dalam menguasai BM. Analisis kuantitatif dalam kajian ini dijalankan dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi ke-17 dan carta serta gambar rajah akan dipersembahkan dengan berpandukan *Excel 2007*.

Batasan Kajian

Penyelidikan ini terbatas pada strategi belajar BM dalam golongan pelajar antarabangsa yang mengikuti pelajaran Bahasa Kebangsaan (B) di Multimedia University. Sampel kajian merupakan pelajar yang berasal dari 7 buah negara iaitu Iran, Bangladesh, Arab Saudi, Mauritius, China, Botswana dan Jerman. Lingkungan umur mereka adalah 21 hingga 25 tahun. BM merupakan bahasa asing mereka selepas bahasa ibunda dan bahasa Inggeris. Dalam penyelidikan ini, pelajar diminta menilai 40 strategi pembelajaran yang telah disenaraikan dalam borang soal selidik. Strategi pembelajaran bahasa ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu strategi yang diaplikasikan oleh pelajar dalam keadaan pembelajaran secara formal (strategi pembelajaran BM di dalam kelas dan persediaan menghadapi peperiksaan) dan tidak formal (strategi pembelajaran BM di luar kelas). Penyelidik mengandai penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar adalah homogenus. Subjek kajian ini dipilih kerana mereka dapat mewakili populasi pelajar asing yang mempelajari BM di IPTS. Dalam penyelidikan ini, pelajar diminta menilai 40 strategi yang telah disenaraikan iaitu 26 strategi pembelajaran bahasa di dalam kelas secara formal, manakala 14 strategi lagi diaplikasikan secara tidak formal semasa belajar BM.

Kaedah Kajian

1. *Keperpustakaan*: Kaedah ini digunakan kerana terdapat buku, jurnal, tesis dan majalah yang dijadikan bahan rujukan tambahan bagi menguatkan hujahan.
2. *Soal selidik*: Pengedaran soal selidik yang berpandukan Model Mohamed Amin (2000). Pengubahsuaian dilakukan sedikit dengan melihat kesesuaiannya dengan subjek dan jenis kajian. Pengubahsuaian tersebut termasuk kaitan, keperluan dan pendapat subjek dalam mempelajari bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa.
3. *Pemerhatian*: Penyelidik meneliti gelagat pelajar dalam kuliah selama satu semester.

Alat Kajian

Soal selidik merupakan punca utama untuk mendapat data dalam penyelidikan ini. Pernyataan dalam soal selidik dibahagikan kepada dua seksyen. Seksyen Pertama terdiri daripada tiga bahagian iaitu A, B, C dan D. Seksyen Kedua terdiri daripada 8 soalan demografik yang berkaitan dengan jantina, umur, negara, fakulti, program, tahun pengajian, bahasa ibunda dan BM sebagai bahasa ke berapa bagi subjek kajian. Pernyataan dalam Seksyen Pertama adalah seperti berikut.

1. Bahagian A merangkumi 20 soalan mengenai strategi yang digunakan di dalam kelas (SPB secara formal).
2. Bahagian B merangkumi 6 soalan mengenai strategi yang digunakan semasa persediaan untuk menghadapi peperiksaan (SPB secara formal).
3. Bahagian C merangkumi 14 soalan mengenai strategi yang digunakan di luar kelas (SPB secara tidak formal).
4. Bahagian D merangkumi 10 soalan mengenai faktor-faktor pendorong pembelajaran BM.

Bagi setiap pernyataan dalam Seksyen Pertama, terdapat empat skala penilaian yang boleh dipilih oleh subjek kajian dengan berdasarkan strategi pembelajaran mereka. Setiap angka tersebut membawa maksud seperti berikut.

1. Angka 1 ialah amat tidak setuju.
2. Angka 2 ialah tidak setuju.
3. Angka 3 ialah setuju.
4. Angka 4 ialah amat setuju.

Penganalisan Data

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik kemudian dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan *Excel* dan perisian *SPSS*. Nilai purata (min) dan sisihan piawai telah dinyatakan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 bagi menentukan strategi yang paling gemar diaplikasi dalam kalangan pelajar antarabangsa secara formal dan tidak formal. Di samping itu, bagi menganalisis hubungan antara SPB dan faktor pendorongnya, ujian korelasi telah dikendalikan. Khususnya, ujian korelasi *Spearman* digunakan untuk mengkaji hubungan antara dua pihak iaitu kategori strategi pembelajaran (secara formal dan tidak formal) dengan faktor-faktor pendorong. Untuk mengesahkan kesahihan ujian *Spearman*, dua ujian korelasi yang setara, iaitu ujian *Pearson* dan *Kendall's Tau* turut diaplikasikan¹. Formula Korelasi *Pearson* adalah seperti berikut:

$$\text{Pekali Korelasi Pearson, } r = \frac{S_{XY}}{\sqrt{S_{XX}S_{YY}}}$$

$$\text{di mana } s_{xx} = \sum X^2 - \frac{(\sum X)^2}{N}, \quad s_{yy} = \sum Y^2 - \frac{(\sum Y)^2}{N}, \quad s_{xy} = \sum XY - \frac{\sum X \sum Y}{N}$$

dan hipotesis yang berkenaan diberi oleh

H_0 : $r = 0$ (tidak terdapat hubungan antara strategi pembelajaran dan faktor-faktor pendorong dalam pembelajaran BM)

H_A : $r \neq 0$ (terdapat hubungan antara strategi pembelajaran dan faktor-faktor pendorong dalam pembelajaran BM)

¹ Dengan ruangan yang terhad, hanya dapatan ujian *Spearman* dilaporkan. Dapatan ujian *Pearson* dan *Kendall's Tau* adalah tersedia atas permintaan.

Dapatan Kajian

Objektif 1: Untuk meneliti dan mengkaji strategi yang digunakan oleh pelajar antarabangsa secara formal dan tidak formal dalam mempelajari bahasa Melayu.

Soal selidik telah diedarkan kepada 79 subjek kajian di MMU. Jadual berikut merupakan dapatan kajian yang berdasarkan analisis daripada 26 strategi pembelajaran BM secara formal di dalam kelas dan persediaan semasa menghadapi peperiksaan telah disusun mengikut tahap nilai purata (min).

Menurut dapatan kajian dalam Jadual 1, didapati bahawa pelajar antarabangsa lebih gemar atau suka mempelajari BM menerusi pengajaran guru di dalam kelas. Strategi pembelajaran BM utama yang mereka paling kerap aplikasikan adalah memberi sepenuh perhatian semasa guru mengajar. Strategi formal ini mencapai nilai purata yang paling tinggi iaitu sebanyak 3.38. Nilai purata yang kedua tinggi dalam strategi pembelajaran secara formal iaitu sebanyak 3.22. Strategi ini menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa meminta pengulangan daripada guru apabila mereka tidak faham akan penerangannya. Strategi yang ketiga (3.21) adalah mendengar dengan teliti cara guru bercakap dalam bahasa Melayu.

Sebaliknya, strategi yang jarang sekali diaplikasikan semasa mempelajari BM secara formal adalah rujuk pada kamus apabila mereka tidak faham makna perkataan yang digunakan dalam pelajaran. Nilai puratanya cuma 2.21 sahaja. Manakala strategi berikutnya adalah membuat latihan (2.28) dan membaca buku teks sebelum pelajaran (2.35). Jelas kelihatan bahawa pelajar antarabangsa yang mempelajari BM tidak gemar atau jarang menggunakan bahan bacaan atau buku rujukan di dalam kelas. Justerunya, pembelajaran sendiri (*self study*) tanpa bantuan atau tunjuk ajar daripada tenaga pengajar adalah jarang diaplikasi oleh mereka.

Jadual 1:
Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu secara Formal

No.	Strategi Belajar BM secara Formal	Min	Sisihan Piawai
A05	<i>Saya memberi sepenuh perhatian semasa guru mengajar.</i>	3.38	0.707
A06	<i>Jika saya tidak faham penerangan guru, saya minta supaya diulang.</i>	3.22	0.915
A15	<i>Semasa pelajaran, saya mendengar dengan teliti cara guru bercakap dalam bahasa Melayu.</i>	3.21	0.833
B01	<i>Saya membaca buku dan segala latihan yang diberikan oleh guru.</i>	3.15	0.886
A01	<i>Saya membaca buku teks sebelum pelajaran.</i>	2.35	0.948
A02	<i>Saya membuat latihan di dalam buku teks.</i>	2.28	0.891
A11	<i>Jika saya tidak faham makna perkataan yang digunakan dalam pelajaran, saya merujuk kamus.</i>	2.21	1.085

Merujuk kamus menjadi strategi yang paling tidak digemari semasa belajar di dalam kelas, dapatan kajian ini memandangkan mereka lebih selesa untuk terus bertanya

kepada guru apa-apa perkataan yang tidak difahami. Manakala persediaan sebelum kelas dengan merujuk pada buku teks turut menjadi strategi yang tidak digemari. Sebaliknya, didapati penggunaan buku teks merupakan strategi utama mereka sebagai persediaan menghadapi peperiksaan. Dapat dikatakan bahawa tujuan utama mereka ialah untuk lulus dalam peperiksaan. Oleh sebab itu, mereka menggunakan segala strategi yang ada untuk memastikan mereka lulus.

Jadual 2 yang berikutnya pula tersenarai strategi yang diaplikasi oleh pelajar antarabangsa yang berdasarkan tahap nilai purata (min). Mereka telah menggunakan strategi pembelajaran bahasa di luar kelas ataupun dikategori sebagai strategi belajar BM secara tidak formal.

Jadual 2:
Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu secara Tidak Formal

No.	Strategi Belajar BM secara Tidak Formal	Min	Sisihan Piawai
C04	<i>Saya minta pengulangan dalam perbualan sekiranya saya tidak memahaminya.</i>	2.88	0.891
C13	<i>Saya akan cuba meneka maksud perkataan sekiranya saya tidak memahaminya.</i>	2.77	0.879
C03	<i>Semasa bertutur dalam BM, saya akan membetulkan kesalahan sendiri sekiranya saya menyedarinya.</i>	2.76	0.984
C10	<i>Saya mendengar lagu Melayu dan cuba memahami maksudnya.</i>	2.11	1.060
C09	<i>Saya mendengar program Melayu melalui siaran radio.</i>	1.88	1.127
C11	<i>Saya menghafalkan lirik lagu Melayu.</i>	1.80	1.053

Dalam keadaan tidak formal pula, nilai purata pemilihan strategi yang paling tinggi dalam kalangan pelajar antarabangsa adalah 2.88. Pelajar lebih gemar belajar BM dengan meminta pengulangan jika mereka tidak memahami maksudnya dalam perbualan. Nilai purata yang kedua tinggi dalam strategi pembelajaran BM ialah 2.77. Strategi yang digunakan dalam keadaan tidak formal ini adalah cuba meneka maksud perkataan sekiranya mereka tidak memahaminya. Di samping itu, pelajar juga akan membetulkan kesalahan sendiri jikalau mereka menyedarinya semasa perbualan (2.76). Justeru, pelajar antarabangsa lebih menunjukkan sifat agresif semasa belajar BM terutamanya melalui perbualan.

Namun demikian, strategi yang jarang sekali diaplikasikan semasa mempelajari BM secara tidak formal adalah menghafalkan lirik lagu Melayu. Nilai puratanya cuma 1.80 sahaja. Strategi ini merupakan strategi yang paling tidak digemari antara 40 strategi yang tersenaraikan. Manakala strategi berikutnya adalah mendengar program Melayu melalui siaran radio (1.88) dan mendengar lagu Melayu serta cuba memahami maksudnya (2.11). Jelas kelihatan bahawa pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu tidak gemar atau jarang menggunakan kemahiran mendengar. Jadi, hobi atau aktiviti yang berunsurkan bahasa sasaran pada masa lapang tidak akan menjadi pilihan mereka.

Secara perbandingan antara strategi belajar BM dalam keadaan formal dan tidak formal pula boleh ditunjuk seperti Carta 1 di bawah ini.

Carta1: Perbandingan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mengikut Situasi (%)

Skala 3 (setuju) dan 4 (amat setuju) dalam soal selidik mewakili kecenderungan pengamalan SPBM. Manakala strategi dalam skala 1 (amat tidak setuju) dan 2 (tidak setuju) adalah kecenderungan tidak mengaplikasi SPBM. Melalui carta di atas, didapati bahawa seramai 61.6% daripada pelajar antarabangsa menggunakan SPBM dalam pembelajaran formal, yakni semasa menghadiri kelas dan menghadapi peperiksaan. Sebaliknya, dalam situasi tidak formal, kebanyakan pelajar antarabangsa adalah pasif dengan pengamalan SPBM (47.7%). Sebagai jangkaan, SPBM di luar kelas kurang dipraktikkan jika berbanding dengan situasi formal. Ini mungkin disebabkan BM yang dipelajari secara formal dalam kelas cuma memadai untuk persediaan peperiksaan, manakala bahasa pasar lebih kerap dipraktikkan dalam perbualan dan aktiviti sosial harian. Di samping itu, faktor geografi IPTS (MMU) yang terletak di kawasan MSC (Koridor Raya Multimedia)² turut menyaksikan pendedahan pelajar asing terhadap bahasa Inggeris yang lebih ketara berbanding dengan BM.

Objektif 2: Untuk meninjau hubungan antara strategi pembelajaran dengan faktor-faktor pendorong dalam menguasai bahasa Melayu.

Dapatan kajian mengenai hubungan antara SPBM (secara formal dan tidak formal) dan faktor-faktor pendorongnya iaitu faktor pertama hingga faktor kesepuluh yang telah dinyatakan dalam Jadual 3 seperti berikutny:

Jadual 3:
Statistik Korelasi antara Faktor Pendorong - Strategi Pembelajaran BM

Strategi Pembelajaran	Faktor Pendorong									
	D1	D2	D3	D4	D5	D6	D7	D8	D9	D10
FORMAL	0.433** (0.000)	0.206 (0.076)	0.240* (0.038)	0.319** (0.005)	0.287* (0.013)	0.461** (0.000)	0.305** (0.008)	0.476** (0.000)	0.266* (0.021)	0.421** (0.000)
TIDAK FORMAL	0.464** (0.000)	0.257* (0.026)	0.308** (0.007)	0.395** (0.000)	0.305** (0.008)	0.299** (0.009)	0.407** (0.000)	0.417** (0.000)	0.279* (0.015)	0.248* (0.032)

Nota: *, ** masing-masing menandakan kesignifikan pada 95% dan 99% paras keyakinan. Nilai kebarangkalian ujian korelasi dilaporkan dalam kurungan ().

- D1- Saya sangat berminat akan bahasa Melayu.
- D2- Belajar bahasa Melayu boleh membantu saya berkomunikasi di Malaysia.
- D3- Semasa memesan makanan dan minuman.
- D4- Bertanya arah ke sesuatu destinasi.
- D5- Membaca papan tanda.
- D6- Menawar harga barangan.
- D7- Lebih mesra dengan rakyat Malaysia.

² MSC adalah sebuah rancangan kerajaan ke arah kecanggihan teknologi maklumat yang menarik banyak penubuhan syarikat gergasi asing yang berunsurkan ICT. Ia secara asalnya melibatkan kawasan seluas 15X50 km² dari KLCC hingga ke KLIA dan turut melibatkan Putrajaya dan Cyberjaya.

D8- Saya suka ke kelas bahasa Melayu.

D9- Bahasa Melayu mudah untuk dipelajari.

D10- Bahan rujukan yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran.

Secara keseluruhannya didapati strategi pembelajaran secara formal dan tidak formal menunjukkan korelasi positif yang signifikan. Faktor pelajar antarabangsa suka menghadiri kelas bahasa Melayu (D8) menjadi faktor pendorong yang paling tinggi pekali korelasi semasa mengaplikasi strategi pembelajaran di dalam kelas. Jelas kelihatan, tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam usaha menyemai minat pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu. Manakala nilai pekali korelasi yang paling tinggi antara pembelajaran tidak formal pula adalah minat mereka akan BM (D1). Didapati pelajar menggunakan segala strategi secara tidak formal untuk mempelajari bahasa Melayu. Fenomena ini menunjukkan bahawa penggunaan BM amat diperlukan semasa membeli-belah di Malaysia.

Namun demikian, hubungan korelasi antara SPBM dan D2 (belajar BM boleh membantu saya berkomunikasi di Malaysia) adalah kurang meyakinkan. Jadual di atas menunjukkan bahawa 9 daripada 10 faktor-faktor pendorong adalah signifikan tetapi dengan pekali korelasi yang berbeza nilai dari 0.2 hingga 0.4. Di sebaliknya, faktor-faktor pendorong ini memainkan peranan penting tetapi tidaklah sangat mempengaruhi. Faktor D2 pula gagal menunjukkan hubungan yang signifikan dengan strategi pembelajaran secara formal ataupun tidak formal. Ini menunjukkan segala SPBM tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor pendorong iaitu kemudahan berkomunikasi dalam persekitaran.

Dalam hasil dapatan keseluruhan dari Jadual 3, didapati faktor pendorong berkomunikasi dengan penduduk tempatan ternyata pekali korelasi yang paling rendah dalam SPBM secara formal dan tidak formal (di dalam kelas, di luar kelas ataupun semasa menghadapi peperiksaan). Jelas kelihatan, pernyataan masalah yang dipaparkan terbukti menunjukkan bahawa faktor berkomunikasi dengan penduduk tempatan tidak menjadi pendorong atau punca utama mereka mempelajari BM.

Berdasar analisis yang dijalankan, dapatan kajian menunjukkan bahawa proses pembelajaran banyak berlaku di dalam kelas secara formal dan pergantungan kepada pensyarah menjadi strategi utama mereka. Hal ini disebabkan mereka berpeluang untuk belajar dan memahami bahasa Melayu hanya di dalam kelas. Peluang tersebut sukar diperoleh di luar kelas terutamanya lokasi atau tempat pengajian yang terletak di bandar. Persekitaran secara tidak formal mendorong mereka lebih menggunakan bahasa Inggeris yang berfungsi sebagai alat perhubungan antarabangsa. Tambahan pula, setiap generasi muda di Malaysia memang sudah menguasai bahasa kedua ini. Hal yang menjadi masalah terutamanya bagi masyarakat tempatan apabila nampak sahaja orang asing akan secara automatik terus bertutur menggunakan bahasa Inggeris. (Maimunah dan Norizah Ardi, 2003). Fenomena ini, lagi menambahkuatnya alasan kesenangan pelajar antarabangsa menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan BM apabila berkomunikasi dengan warga Malaysia. Justeru, bahasa Melayu tidak dapat dipraktikkan dalam persekitaran atau dunia sebenar.

Hasil kajian ini mungkin dapat memberi sedikit rangsangan kepada pihak yang ingin merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan

penutur asing. Ini turut menunjukkan satu persoalan agar kaji semula amat diperlukan terutamanya dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam usaha memperkembangkan bahasa Melayu ke serata dunia.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah memainkan peranan penting dalam mendorong pelajar menggunakan SPB sepanjang mempelajari BM. Menurut Mohamed Amin (2000) salah satu penyumbang kepada kejayaan dalam pembelajaran bahasa ialah mencari dan menggunakan peluang untuk mempraktikkan bahasa Inggeris dalam persekitaran sebenar. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan bahawa pelajar lebih banyak bergantung kepada pensyarah dalam mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, pensyarah harus menggunakan kaedah pengajaran melalui aktiviti di luar kelas agar pelajar terdedah pada persekitaran sebenar.

Cara yang boleh dilakukan oleh pensyarah untuk mendorong pelajar menggunakan strategi belajar dalam keadaan tidak formal ialah dengan membanyakkan aktiviti yang melibatkan warga tempatan. Misalnya pelajar antarabangsa diarah untuk membeli barangan yang telah disenaraikan di pasar malam atau mengadakan aktiviti mencari harta karun. Untuk menambahbaikkan strategi belajar semasa peperiksaan, pelajar digalakkan untuk membuat latihan berdasarkan soalan peperiksaan lepas. Pensyarah perlu membincangkan jawapan dengan pelajar. Oleh itu, pelajar lebih memahami bentuk soalan dan jawapan yang dikehendaki.

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar yang jarang mengulang kaji selepas kelas, membuat persediaan sebelum kelas serta menggunakan kamus. Untuk memastikan strategi pembelajaran ini diguna pakai, pensyarah perlu memberi latihan untuk disiapkan selepas setiap pelajaran. Selain itu, pensyarah boleh memberi tugas kepada para pelajar berkaitan dengan topik yang akan dibincangkan dalam kelas seterusnya. Antara aktiviti yang boleh menggalakkan pelajar menggunakan kamus seperti pelajar diberi beberapa huruf kemudian mereka dikehendaki membentuk perkataan berdasarkan huruf yang diberi. Untuk menjadi aktiviti ini lebih menyeronokkan, mereka boleh menjalani aktiviti ini secara berkumpulan dalam bentuk pertandingan.

Dengan mengenal pasti SPB yang dikuasai oleh pelajar, guru dapat merancang sesi pengajaran dan pembelajaran lebih baik. Pelajar akan menggunakan pelbagai kaedah, teknik, cara atau strategi belajar seperti yang digunakan oleh guru bahasa mereka. Haruslah ditegaskan bahawa SPBM dalam kalangan penutur asing yang terdiri daripada golongan dewasa adalah berbeza dengan kanak-kanak. Menurut Tyacke dan Mendelsohn (1986), menyatakan pensyarah yang mengajar bahasa dengan baik akan mempengaruhi pelajaranya belajar bahasa dengan baik. Saban hari, didapati ramai pelajar antarabangsa telah memilih Malaysia untuk melanjutkan pengajian mereka di institusi pendidikan sama ada awam mahupun swasta. Kita harus menghargai peluang keemasan ini agar bahasa Melayu dapat dipasarkan dalam golongan pelajar antarabangsa yang belajar di negara kita. Akhir kata, perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa secara teratur dan berkesan perlu dilaksanakan di setiap institusi pengajian tinggi. Hal ini kerana matlamat kita bukan saja memartabatkan bahasa Melayu bahkan memperkembangkan bahasa kebangsaan kita.

Rujukan

- Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4, Daerah Johor Bahru*. Bangi: UKM.
- Anida Abdul Rahim. (2003). *Strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu*. Dissertation (M.M.L.S). Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.
- Azlin Mazniwati Mohamed Azhari. (2000). *English Language Learning Strategy Used by Form 4 Students of Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi, Selangor*. Bangi: UKM.
- Che Suriyati Che Awang. (2000). *Language Learning Strategies Employed by University Students: A Preliminary Study*. Bangi: UKM.
- Faizahani Ab. Rahman. (2002). *Strategies Employed by Good and Weak English Learners and Factors Affecting the Choice of Strategies*. Bangi: UKM.
- Kang, H. (1999). *Learning Style Preferences of Korean High School Students*. Dissertation (M.E.S.L). Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.
- Maimunah Haji Omar dan Norizah Ardi. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Pengalaman Perancis dan Finland dalam Pengajar Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Selangor: DBP.
- Mohamed Amin Embi. (1996). *Language Learning Strategies Employed by Secondary School Students Learning English as A Foreign Language in Malaysia*. Tesis Ph.D. School of Education: University of Leeds.
- Mohamed Amin Embi. (2000). *Language Learning Strategies: A Malaysian Context*. Bangi: UKM.
- Mohd Nazali Abu Bakar, Mohamed Amin Embi dan Zamri Mahamod. (1999). *Hubungan antara Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dengan Pemboleh Ubah Jantina, Etnik, Pencapaian Bahasa dan Status Sosioekonomi Pelajar*. Jurnal Teknologi, Vol. 31 (E), pp. 43-62.
- Neo, Swee Leng. (2005). *Strategi pembelajaran bahasa : satu kajian di kalangan pelajar-pelajar Bahasa Sepanyol di Universiti Malaya*. Dissertation (M.M.L.S.). Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.
- Norzidah Yusof. (1999). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah di Seri Kembangan: Kaedah Temu Bual*. Bangi: UKM.
- O'Malley, J.M. dan Chamot, A. U. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rahani Yusof. (1999). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Dua Buah Sekolah Menengah di Sekinchan, Selangor: Satu Tinjauan Awal*. Bangi: UKM.
- Roslina Mamat. (1999). *Strategi komunikasi pertuturan dalam Bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar Melayu di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur*. Dissertation (M.M.L.S). Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2009). *Basic Malay*. Kuala Lumpur: Sarjana Press.
- Supian Mohd Noor. (2003). *Strategi Pemerolehan Ayat Satu Dasar*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: UPM.
- Suzana Ismail. (2005). *Communication Strategies in Japanese Language Interactions among Malay Students at the University of Malaya*. Dissertation (M.M.L.S.). Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.

- Tyacke, M. dan Mendelson, D. (1986). *Students Need: Cognitive as well as Communicative*. TESL Canada Journal, No 1, pp. 171-183.
- Yong Zaharah Mohd Taridi. (1999). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Tiga Buah Sekolah Menengah di Kawasan Taiping, Perak: Satu Tinjauan Awal*. Bangi: UKM.
- Zamri Mahamod. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: UKM.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak dan Jurian Long. (2002). *Strategi Pembelajaran Bahasa dari Segi Jantina Pelajar Cemerlang: Satu Kajian Perbandingan*. Proceedings of the International Conferences on Education for All 2002. Bangi: UKM.
- Zuriyati Haron. (1999). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4: Satu Tinjauan Awal*. Bangi: UKM.